SYAIR

Lengkapkan syair di bawah dengan ayat yang betul

Baca petikan di bawah ini. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam petikan tersebut, **lengkapkan rangkap syair.** SP3.6.1 KBAT Menganalisis dan Mencipta

Cikgu Haris memberitahu seisi kelas tentang pertandingan pidato pada peringkat sekolah. Sofea terus mencalonkan aku sebagai wakil kelas kami untuk pertandingan itu. Tanpa aku sempat berkata apa-apa, rakan-rakan sekelas yang lain menyokong cadangan Sofea itu. Apabila memikirkan bahawa perkara ini suatu pengalaman baharu bagiku, aku mengangguk tanda setuju. Rakan-rakan sekelas bersorak dengan persetujuanku itu.

Sebagai persediaan awal, aku telah berbincang dengan Cikgu Haris tentang tajuk pidato yang sesuai untuk aku sampaikan. Rakan-rakan rapatku seperti Sofea, Ayuni, Divya, dan Su Lin turut aku libatkan dalam perbincangan tersebut. Masing-masing memberikan idea yang menarik. Kami turut membuat rujukan di perpustakaan untuk mendapatkan fakta-fakta yang sesuai dengan tajuk yang kami pilih.

Selepas itu, aku mula mengarang teks pidato tersebut. Setelah selesai, sekali lagi komen Cikgu Haris aku dapatkan. Daripada komen dan idea beliau, aku memperbaik teks pidato itu. Langkah seterusnya, aku menghafal teks tersebut. Aku menghafalnya di hadapan cermin untuk menentukan gaya yang sesuai ketika berpidato kelak. Kerja menghafal teks pidato itu menjadi senang dengan tunjuk ajar kakak.

Walaupun aku berbangsa Cina, aku fasih berpidato dalam bahasa Melayu. Aku menaruh harapan yang tinggi untuk menjuarai pertandingan pidato itu. Oleh itu, aku berlatih pada setiap hari di hadapan Cikgu Haris dan rakan-rakanku. Mereka banyak memberikan kata semangat kepadaku. Pada hari pertandingan, aku dapat menyampaikan pidatoku dengan yakinnya dan lancarnya.

Keputusan pertandingan pidato diumumkan. Bagai mimpi menjadi kenyataan apabila namaku disebut sebagai juara. Aku terharu. Aku amat berterima kasih kepada Cikgu Haris dan rakan-rakanku. Sokongan keluarga tidak aku lupakan juga. Sesungguhnya, kejayaan ini menjadi pendorong kepadaku untuk menyertai pertandingan pidato yang lain pula.

Rangkap Pertama:
Pertandingan pidato dimaklumkan guru,
Seorang rakan mencalonkan aku,
[redacted]

Rangkap Kedua:
Berbincang dengan guru dan rakan,
Tajuk pidato kami tentukan,
[redacted]

Rangkap Ketiga:
Teks pidato mula kukarang,
Komen guru bukan sebarang,
[redacted]

Rangkap Keempat:
Aku menaruh harapan yang tinggi,
Gelaran juara hendak kumiliki,
[redacted]

Rangkap Kelima:
Keputusan pertandingan pun diumumkan,
Bagai mimpi menjadi kenyataan,
[redacted]

Semua sepakat sokongan padu, Aku mengangguk tanda setuju.	**Kerja menghafal menjadi senang, Hasil tunjuk ajar kakak tersayang.**	**Terima kasih guru dan rakan budiman, Kini kejayaan dalam genggaman.**
Membuat rujukan di perpustakaan, Fakta sesuai menjadi pilihan.	**Gigih berlatih setiap hari, Pidato kusampaikan lancar sekali.**	

LIVEWORKSHEETS